

SYARAT DAN PERATURAN KEJOHANAN BADMINTON TERBUKA REMAJA NCT 2024

1. NAMA KEJOHANAN

Pusingan Kelayakan : **NCT Junior Badminton Championship 2024**

Pusingan Akhir : **NCT GP Final Junior Badminton Championship 2024**

2. PERATURAN AM KEJOHANAN

- 2.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Peraturan Am Persekutuan Badminton Dunia (BWF) dan Peraturan Am Kejohanan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Kejohanan.
- 2.2 Semua keputusan berkaitan (*point of fact*), ia adalah keputusan dan tanggungjawab pengadil dan refri serta keputusannya adalah muktamad. Pemain hanya boleh membuat rayuan kepada Referi Kejohanan tentang sebarang peraturan dan undang-undang permainan sahaja.

3. ACARA DAN KATEGORI UMUR YANG DIPERTANDINGKAN

A) *Acara Perseorangan Lelaki*

3.1 9 tahun ke bawah 3.2 11 tahun ke bawah 3.3 13 tahun ke bawah 3.4 15 tahun ke bawah

B) *Acara Perseorangan Perempuan*

3.5 9 tahun ke bawah 3.6 11 tahun ke bawah 3.7 13 tahun ke bawah 3.8 15 tahun ke bawah

C) *Acara Beregu Lelaki*

3.9 11 tahun ke bawah 3.10 13 tahun ke bawah 3.11 15 tahun ke bawah

D) *Acara Beregu Perempuan*

3.12 11 tahun ke bawah 3.13 13 tahun ke bawah 3.14 15 tahun ke bawah

4. PENDAFTARAN PEMAIN / KUMPULAN SASARAN

Pusingan Kelayakan :

- 4.1 Kejohanan ini adalah terbuka kepada semua murid yang bersekolah di Malaysia **kecuali** pemain-pemain yang berada di Akademik Badminton Malaysia (ABM).
- 4.2 Pendaftaran berdasarkan umur tahun semasa, iaitu **kiraan umur pendaftaran mulai 01 hari bulan Januari 2024.**
- 4.3 Semua pendaftaran hendaklah dibuat melalui **link pendaftaran** yang disediakan oleh pihak penganjur. Wajib mendaftar nama pasangan beregu semasa pendaftaran dengan nama yang betul.

- 4.4 Seorang pemain dibenarkan menyertai dalam satu acara perseorangan dan beregu atau kedua-duanya mengikut kategori umur yang dipertandingkan.
- 4.5 Pemain-pemain **boleh berdaftar di mana-mana negeri penganjuran** mengikut kesesuaian. Pemain-pemain juga boleh berdaftar dan bertanding pusingan kelayakan lain sehingga layak ke **SEPARUH AKHIR** dan **AKHIR**.
- 4.6 **Pemain yang telah berjaya memasuki ke peringkat SEPARUH AKHIR dan AKHIR tidak dibenarkan bertanding di pusingan kelayakan yang lain.**
- 4.7 **Semua pemain hendaklah berdaftar mengikut jenis kategori umur yang sama dan hanya dibenarkan bertanding dalam kategori umur sahaja, iaitu satu acara perseorangan dan satu acara beregu sahaja.**

Acara 09 tahun ke bawah, lahir pada tahun 2015 atau selepas. (lahir 2016, 2017)

Acara 11 tahun ke bawah, lahir pada tahun 2013 dan 2014.

Acara 13 tahun ke bawah, lahir pada tahun 2011 dan 2012.

Acara 15 tahun ke bawah, lahir pada tahun 2009 dan 2010.

- 4.8 Semua pemain hendaklah sentiasa bawa bersama surat beranak atau kad pengenalan sepanjang kejohanan untuk pengesahan. Kegagalan boleh menyebabkan penyertaan dalam kejohanan ini dibatalkan.
- 4.9 **Pengesahan pendaftaran melalui bukti pembayaran yuran penyertaan.**
- 4.10 Sebarang gantian tidak dibenarkan selepas tempoh akhir semakan diberikan.

5. KELAYAKAN KE PUSINGAN AKHIR (GP FINAL) :

- 5.1 Semua pemain perseorangan lelaki dan perempuan kategori umur 09,11,13 dan 15 tahun **yang berjaya masuk ke peringkat separuh akhirdan akhir semasa pusingan kelayakan**, serta beregu lelaki dan perempuan kategori umur 11, 13 dan 15 tahun **yang berjaya masuk ke peringkat separuh akhir dan akhir.**
- 5.2 Jika terdapat pemain-pemain yang telah layak ke pusingan akhir tidak dapat menyertai pusingan akhir, maka pihak penganjur berhak mencari ganti pemain yang layak.
- 5.3 Pihak penganjur juga berhak memberi **"Wild Card"** kepada pemain-pemain yang berpotensi ke **GP Final**.

6. YURAN PENDAFTARAN / CARA PEMBAYARAN

Pusingan Kelayakan : Acara Perseorangan Lelaki dan Perempuan **RM25**
Acara Beregu Lelaki dan Perempuan **RM50**

Bayaran kepada : **Petaling BC Sdn Bhd.** No Acc : **Maybank 514114660549**

Setelah membuat pembayaran sila whatsapp ke nombor telefon **0129073333** dengan nyatakan nama pemain dan acara yang disertai. (contoh : Lim Jee Kiat Perorangan Lelaki 11 tahun)

Pusingan Akhir : Tiada Bayaran Penyertaan (SEMUA ACARA PERCUMA)

7. SISTEM PERTANDINGAN PUSINGAN KELAYAKAN

- 7.1 Pertandingan ini dijalankan secara kalah keluar.
- 7.2 Pusingan awal menggunakan sistem kiraan 11 mata (2 daripada 3 game terbaik). Pada kedudukan 10-10 (10 sama) tambahan 2 mata sehingga mendapat 2 perbezaan mata untuk penentuan pemenang atau mana-mana pemain yang sampai dahulu kiraan mata 20 dikira menang.
- 7.3 Mulai pusingan **separuh akhir dan akhir** akan menggunakan sistem 3 daripada 5 game terbaik.

8. SISTEM PERTANDINGAN PUSINGAN AKHIR (GP FINAL)

- 8.1 Pertandingan ini dijalankan secara **LIGA KUMPULAN**.
- 8.2 Johan setiap kumpulan akan bertanding dalam liga Johan antara Johan dalam kumpulan.
- 8.2 Semua perlawanan **LIGA KUMPULAN** akan menggunakan sistem kiraan mata 11 iaitu 3 daripada 5 game terbaik. **JOHAN** setiap liga kumpulan akan layak ke **LIGA JOHAN ANTARA JOHAN** untuk menentukan kedudukan **JOHAN, NAIB JOHAN, KETIGA, KEEMPAT DAN KELIMA**.

9. PEMBERIAN *SEEDING* PEMAIN

- 9.1 Pemberian *seeding* pemain adalah berdasarkan pencapaian dalam kejohanan badminton anjuran Persatuan Badminton Malaysia (BAM) tahun 2023 dan Kejohanan Badminton Kebangsaan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) tahun 2023 serta sebarang anjuran kejohanan yang diiktiraf oleh Persatuan Badminton Negeri tahun 2023.

10. HAKIM GARISAN

- 10.1 Tiada hakim garisan dilantik. Sebarang keputusan pengadil semasa dalam permainan adalah muktamad.

11. PAKAIAN

- 11.1 Pemakaian pemain tidak dibenarkan ada sebarang paparan iklan-iklan yang dilarang.
- 11.2 Semua pemain dan yang berjaya memasuki ke peringkat akhir adalah **WAJIB** memakai baju T rasmi kejohanan dan **semasa majlis penyampaian hadiah**.

12. KELEWATAN / KETEPATAN MASA

- 12.1 Semua pemain diminta bersedia 30 minit sebelum perlawanan. Hanya 5 minit diberikan selepas pengadil berada di gelanggang kepada pemain yang lewat, selepas itu pemain yang melaporkan diri akan dikira menang tanpa bertanding.
- 12.2 Semua perlawanan adalah mengikut jadual pertandingan yang telah ditetapkan kecuali diberitahu oleh pihak penganjur atau Referi Kejohanan tentang jadual.

13. MENERIMA NASIHAT JURULATIH

- 13.1 Pemain boleh menerima nasihat atau bimbingan jurulatih semasa pertukaran petak gelanggang di antara perlawanan dalam tempoh masa 1 minit.
- 13.2 Hanya Pengurus / Jurulatih sahaja boleh berada di tempat duduk yang disediakan oleh pihak penganjur.
- 13.3 Nasihat atau tunjuk ajar **TIDAK DIBENARKAN** semasa bulu tangkis masih dalam permainan.

14. JADUAL PERTANDINGAN

Rujuk jadual perlawanan melalui *tournamentsoftware*
Kejohanan Badminton "NCT Junior Badminton Championship 2024"

15. HADIAH / SIJIL

- 15.1 Pusingan Kelayakan-Hadiah dan sijil akan diberikan kepada Johan, Naib Johan dan Dua Tempat Ke-3
- 15.2 Pusingan Akhir-Hadiah dan sijil akan diberikan kepada Johan, Naib Johan, Tempat Ke-3, Ke-4 dan Ke-5.
- 15.3 Sijil penyertaan akan diberikan kepada semua pemain yang menyertai.

16. BANTAHAN / RAYUAN

- 16.1 Bantahan secara bertulis beserta wang pertaruhan RM300.00 kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengelola dalam tempoh 30 minit selepas berlaku kejadian. Wang pertaruhan tidak dikembalikan sekiranya bantahan ditolak.
- 16.2 Segala keputusan Jawatankuasa Juri Rayuan adalah muktamad.

17. KESELAMATAN / KEBERSIHAN

- 17.1 Keselamatan dan harta benda pemain adalah tanggungjawab masing-masing semasa atau selepas kejohanan.
- 17.2 Semua pemain hendaklah menjaga kebersihan kawasan pertandingan sepanjang kejohanan berlangsung.

18. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Bagi perkara-perkara yang tidak dinyatakan, pihak penganjur pertandingan berhak membuat sebarang keputusan dan pindaan serta keputusan adalah muktamad